

**PERUSAHAAN HASIL-HASIL
KELAPA**

**VISION COCONUT SDN.BHD.
LOT 55 KAWASAN MEIL SUNGAI PETANI
PHASE 1 08000 SUNGAI PETANI
KEDAH DARUL AMAN**

PENULIS :

MUHAMAD FAZZLI BIN KASIM	96632268
MUHAMMAD SHAKIR BIN YAHAYA	96727637
MOHD. ZAMRI BIN SHAHDAN	96374198
MOHD. NAZRI BIN ZAKARIA	96688794
FADLI BIN KASSIM	96628622

41/60

10 DISEMBER 1999

ISI KANDUNGAN**MUKA SURAT**

1. Surat Pengantar	I-III
2. Penghargaan	V
3. Ringkasan Rancangan Perniagaan	1
4. Pengenalan	2
5. Tujuan Rancangan Perniagaan	3
6. Latar Belakang Syarikat	4
7. Logo Syarikat	5
8. Latar Belakang Lembaga Pengarah	6-10
9. Lokasi Tapak Projek	11-13
10. Rancangan Pentadbiran	14-23
11. Rancangan Pemasaran	24-36
12. Rancangan Operasi	37-53
13. Rancangan Kewangan	54-66
14. Rumusan	67

RINGKASAN RANCANGAN PERNIAGAAN

Makanan ringan yang diimport kini telah menguasai pasaran dalam negara . VISION COCONUT SDN. BHD. diwujudkan sel;aras dengan saranan kerajaan untuk mengurangkan barangan import sekaligus mewujudkan syarikat Bumiputra yang berdaya saing dalam industri makanan ringan.

Perniagaan kami ialah mengeluarkan makanan ringan tradisional yang di kormersialkan berasaskan bahan pertanian yang mudah di dapati di negara kita iaitu kelapa. Perniagaan kami akan mengeluarkan dua jenis makanan ringan tradisional berasaskan kelapa iaitu Tabaloi dan Sagun yang dibungkus dengan baik untuk di kormersialkan

Matlamat utama kami adalah untuk bersaing dengan makanan ringan yang diimport dan melihat rakyat negara kita menikmati makanan ringan keluaran tempatan dan akan dikormersialkan ke luar negara supaya makanan ringan keluaran tempatan akan diimport oleh negara asing.

Dalam Rancangan Perniagaan ini kami telah mengatur strategi dengan penuh teliti supaya pembaca faham betapa tinggi potensi projek kami.

PENGENALAN

Nama perniagaan kami ialah VISION COCONUT SDN. BHD. Ia di terajui oleh lima belia bumiputera yang mempunyai kebolehan dan kepakaran dalam bidang masing-masing. Syarikat ini beroperasi sebagai pengeluar makanan ringan tradisional yang di kormersialkan berasaskan hasil kelapa iaitu Tabaloi dan Sagun.

Setelah meneliti dan menyiasat latar belakang bidang perniagaan yang diceburi , dapat dikatakan bahawa perniagaan ini berpotensi untuk maju. Sebagai sebuah syarikat bumiputera , kami dengan berani menjalankan projek ini selaras dengan hasrat kerajaan agar meningkatkan pengeluaran hasil-hasil pertanian di Malaysia.

Dengan pertumbuhan penduduk di Malaysia yang semakin meningkat sudah tentulah permintaan terhadap industri makanan semakin meluas . Oleh itu kami berkeyakinan bahawa sambutan terhadap makanan tradisional masih mendapat tempat di kalangan orang ramai . Jadi dapat disimpulkan bahawa bidang perniagaan ini mempunyai pasaranyang amat luas.

Dengan keyakinan dan kepercayaan kami terhadap kemampuan bidang ini kami telah sebulat suara akan menjalan dan merealisasikan projek ini.

Lokasi perniagaan kami akan bertumpu di seluruh negeri di Semenanjung Malaysia . Ini adalah kerana bilangan penduduknya yang semakin meningkat terutama di bandar-bandar serta kawasan luar bandar . Perniagaan kami akan dimulakan pada awal tahun 2000. Dengan potensi pasaran yang baik, kami akan cuba memasarkan produk kami ke seluruh negara seterusnya memperkenalkan pula makanan tradisional ini ke luar negara.

TUJUAN RANCANGAN PERNIAGAAN

Tujuan utama membuat rancangan perniagaan ini adalah untuk mendapatkan pinjaman serta untuk mendapatkan kerjasama dan bantuan daripada pihak MARDI.

Antara tujuan sampingan rancangan ini dibuat :

- Bertindak sebagai satu garis panduan dan kawalan bagi setiap ahli Lembaga Pengarah supaya perancangan syarikat dapat dicapai dengan jayanya
- Supaya dapat mengatasi dan meneliti risiko yang timbul dan cara bagaimana ia dapat ditangani
- Dapat membuktikan potensi daya maju bidang yang diceburi